

## **UCAPAN YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR, KETUA BADAN PIMPINAN NEGERI BERSATU SABAH MERANGKAP KETUA MENTERI SABAH SEMENA MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN BERSATU SABAH YANG KE-2**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas izin dan inayah-Nya, dapat kita berhimpun pada malam ini bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-2 Bersatu Sabah.
2. Bagi pihak seluruh saf kepimpinan dan keluarga Bersatu Sabah, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih atas kehadiran tetamu kehormat kita, sahabat karib saya, YB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu, Timbalan Presiden Bersatu bagi mewakili YAB. Presiden Parti. Sesungguhnya, kehadiran Dato' Seri beserta rakan-rakan pimpinan Bersatu di peringkat nasional, amat besar ertinya buat kami di Sabah. Saya melihat wajah-wajah pemimpin pusat yang hadir pada malam ini adalah antara mereka yang komited bersama kami dalam susah senang menggalas perjuangan Bersatu di Sabah. Bermula dari detik awal usaha penubuhan, proses pengembangan, sehinggalah saat getir berhadapan dengan pilihan raya negeri, sokongan dan bantuan daripada kepimpinan pusat amat besar maknanya buat kami di Sabah.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan buat rakan-rakan pimpinan daripada parti-parti Perikatan Nasional peringkat pusat dan negeri yang hadir pada malam ini. Begitu juga, bersama-sama kita adalah rakan-rakan pimpinan daripada Gabungan Rakyat Sabah (GRS) iaitu Barisan Nasional dan Parti Bersatu Sabah.
4. Sesungguhnya, Bersatu Sabah amat menghargai dan menyanjung tinggi komitmen dan semangat permuafakatan yang dizahirkan oleh semua rakan-rakan dalam GRS. Hakikatnya, permufakatan inilah yang memungkinkan kita bersama beroleh kemenangan. Permuafakatan inilah juga yang mewarnai Langkah perjuangan Bersatu di Sabah.
5. Izinkan saya untuk mengimbau serba ringkas sejarah penubuhan Bersatu di Sabah. Tanggal 6 April 2019 merupakan tarikh keramat terbentuknya secara rasmi BERSATU di Sabah melalui Majlis Pelancaran BERSATU Sabah yang telah disempurnakan oleh negarawan ulung, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan turut dihadiri Presiden Parti, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, juga YB Dato' Seri Peja serta ramai pimpinan di peringkat nasional dan negeri-negeri lain.
6. Himpunan yang telah dihadiri oleh puluhan ribu masyarakat Sabah itu telah menjadi titik pemula kepada kedudukan BERSATU di Sabah pada hari ini. Setiap perjuangan akan melalui perit getir, suka dan duka. Kami pernah diperangi persepsi pengkhianat dan tidak setia lantaran muafakat untuk berhijrah secara berjemaah. Lebih berat lagi, ada yang melemparkan tuduhan hijrah kami kerana pangkat dan kedudukan, dan tidak sanggup berada di posisi pembangkang.

7. Namun semua cabaran itu kami terima sebagai asam garam politik, yang penting kita yakin dengan tujuan dan matlamat kita. Kita amat yakin sejarah tahu menilai kita, kerana hakikatnya rata-rata pimpinan awal Bersatu Sabah adalah pejuang yang masuk ke gelanggang politik atas wadah parti pembangkang. Saya, Datuk Masidi, Datuk Azizah dan ramai lagi bermula dalam pentas politik pembangkang. Dan kita komited bersama wadah pembangkang bertahun lamanya, sebelum berjaya membentuk kerajaan.

8. Pada masa yang sama, usaha membawa BERSATU ke Sabah pula cuba dihalang pihak tertentu. Kami diminta untuk menyertai parti tertentu, dan syaratnya tidak semua akan diterima. Kita konsisten dengan pendirian bahawa kita hanya akan menyertai wadah baharu yang namanya Parti Pribumi Bersatu Malaysia dan penyertaan kami adalah secara *en bloc* bersama ahli-ahli di akar umbi.

9. Begitu juga, suguhpun bersama dalam kerajaan, kami pernah dinafikan platform untuk berkhidmat kepada rakyat melalui jentera kerajaan negeri. Kami teruskan perjuangan kerana sejak dari awal jawatan dan kedudukan bukanlah sandaran penghijrahan kami, yang penting khidmat bakti kepada rakyat dapat diusahakan.

10. Walau apa yang berlaku, kami bertekad meneruskan perjuangan, kerana kami yakin dan percaya, bahawa yang keramat itu bukanlah individu, bukan juga wadahnya, tetapi inti pati perjuangannya. Kami memilih untuk tidak menoleh ke belakang, tetapi bekerja keras dalam satu pasukan untuk membina kekuatan dan keyakinan rakyat.

11. Alhamdulillah, hari ini BERSATU berkembang mekar di Sabah, dan yang paling penting BERSATU diterima dan mendapat tempat di hati rakyat. Buktinya telah dizahirkan dalam Pilihan Raya Negeri September lalu. BERSATU dan Perikatan Nasional telah berjaya menubuhkan Kerajaan Negeri Gabungan Rakyat Sabah (GRS) bersama Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan turut disertai wakil-wakil BEBAS.

12. Sesungguhnya, perjuangan hakiki kita baru bermula. Kita semua menzahirkan komitmen bahawasanya teras perjuangan kita adalah untuk rakyat. Kita utarakan bahawa masa depan rakyat adalah faktor kita menolak kerajaan yang lalu. Hari ini kerajaan telah kita ubah semula. Kita mendapat sokongan rakyat. Rakyat telah menunaikan tanggungjawab mereka, dan hari ini di bahu kita tersandar tanggungjawab untuk memenuhi aspirasi rakyat. Ini masa kita bekerja untuk rakyat. Inilah perjuangan hakiki kita. Hadir kita sebagai kerajaan kerana rakyat, tugas kita adalah untuk membina kesejahteraan rakyat.

13. Atas kesedaran itulah, di peringkat Kerajaan Negeri, kita telah sepakat menggerakkan Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang telah dilancarkan pada 29 Mac 2021 yang lalu. Hala Tuju ini akan menjadi kerangka pelan pembangunan negeri yang akan memayungi semua blueprint pembangunan semua sektor ekonomi negeri. Kita mahu para pemimpin dan ahli parti memahami hala tuju ini dan bergerak seiring untuk menjayakannya. Hasrat kita adalah untuk membina Sabah yang lebih maju dan berjaya. Matlamat kita bukan sahaja negeri ini maju, tetapi rakyatnya juga berkemajuan.

14. Sebagai ketua pimpinan Kerajaan Negeri, saya amat mengharapkan bantuan dan sokongan semua ahli parti. Kita perlu membuktikan bahawa mandat yang diberikan kepada kita tidak membawa kekecewaan, dan tidak sesekali disia-siakan.

15. Ini masa kita memastikan kerajaan dan politik negeri berada dalam keadaan yang stabil untuk membolehkan kita berfungsi dengan berkesan melaksanakan rancangan pembangunan rakyat. Justeru, saya menyeru seluruh barisan kepimpinan yang hadir pada malam ini untuk terus merapatkan barisan dan bersatu padu. Kita juga perlu memperkasa Muafakat GRS dengan membina semangat kerjasama dan setiakawan dengan rakan-rakan komponen GRS dan Perikatan Nasional di peringkat bahagian dan akar umbi. Mari kita bergerak seiring menunaikan khidmat bakti kepada rakyat di setiap pelosok negeri.

16. Saya ingin mengajak pimpinan Bersatu Sabah untuk memperkukuh Muafakat GRS yang dibina oleh pimpinan di peringkat negeri hingga ke peringkat akar umbi. Hakikatnya, hari ini kita mungkin berada dalam parti politik yang berbeza, tapi hakikatnya kita pernah bersama dalam rumpun yang sama. Muafakat GRS akan menjadi pemangkin untuk kita bersatu dalam satu platform kerjasama untuk kepentingan rakyat, untuk membina tanah air tercinta yang lebih maju dan berjaya.

17. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada YB Dato' Sri Bung Moktar Radin, atas komitmen beliau untuk memastikan bahawa tidak akan ada pertembungan kerusi di antara Umno dan Bersatu di Sabah, sebagaimana yang beliau umumkan beberapa hari lalu. Bersatu Sabah amat menyanjung tinggi pendirian ini.

18. Saya juga mengharapkan agar Muafakat GRS akan dapat membawa kita untuk bersama memastikan tidak akan ada pertembungan kerusi di antara semua rakan-rakan komponen dalam GRS. Insya Allah, saya yakin semangat Muafakat GRS akan memandu kita ke arah perpaduan dan semangat kerjasama yang lebih jitu dan padu. Kita telah bersama membina kemenangan, hari ini marilah kita bersama mengisi dan mempertahankan kemenangan itu. Kekuatan setiap parti komponen GRS akan memperkukuh Muafakat GRS.

19. Permuafakatan GRS bukan sekadar penting untuk kita di Sabah. Permuafakatan ini amat bermakna untuk membina kesatuan dan kekuatan dalam memastikan kepentingan Sabah terus terbela dalam Persekutuan Malaysia. Kita akan dihormati sekiranya kita kuat dan bersatu membawa suara dan perjuangan negeri dan rakyat. Ikhtiar kita akan lebih berkesan apabila kita menjadi sebahagian daripada tunjang kekuatan Kerajaan Persekutuan.

20. Kita bersyukur kerana mempunyai Perdana Menteri yang amat prihatin terhadap Sabah. Sejak saya memimpin Kerajaan Negeri, YAB Perdana Menteri senantiasa menzahirkan komitmen tinggi Kerajaan Persekutuan untuk membantu Sabah. Komitmen ini juga telah diterjemahkan dengan pelbagai tindakan yang memberikan manfaat besar kepada kita di Sabah.

21. Antaranya, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa, di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Petronas telah mula menunaikan tanggungjawab membayar cukai jualan yang telah ditetapkan ke atas produk petroleum. Ini sekali gus telah berupaya meningkatkan hasil negeri untuk dimanfaatkan demi kepentingan rakyat.

22. Atas sebab itu, Bersatu Sabah dan seluruh rakan-rakan parti komponen GRS komited untuk menyokong kepimpinan YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan. Kita di Sabah perlu bertindak untuk memastikan Kerajaan Persekutuan dan Negeri berada dalam keadaan stabil demi kepentingan rakyat dan tanah air.

23. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyeru sekalian saf kepimpinan Bersatu Sabah untuk meningkatkan gerak kerja bagi memperkukuh jentera dan khidmat bakti Bersatu di akar umbi. Bersatu Bahagian dan Cawangan, Srikandi dan Armada Bahagian dan Cawangan perlu berada dalam keadaan terbaik, bersiap siaga untuk menghadapi pilihan raya.

24. Kita perlu menambah keahlian parti dan memastikan permohonan keahlian dapat diproses dengan segera. Kita memohon kerjasama ibu pejabat parti untuk memastikan penubuhan cawangan-cawangan dan keahlian-keahlian baharu mendapat kelulusan rasmi pada kadar segera untuk membolehkan gerak kerja dilaksanakan secara menyeluruh di akar umbi.

25. Pada masa yang sama, Srikandi dan Armada perlu bergerak secara agresif dengan melaksanakan strategi dan pendekatan yang berkesan untuk menarik minat dan sokongan generasi muda kepada parti. Untuk memastikan semua gerak kerja ini dilaksanakan dengan berkesan, saya telah mengarahkan Jawatankuasa Pengurusan Bersatu Sabah untuk bergerak memantau persiapan jentera kita di seluruh bahagian.

26. Akhir kata, jutaan terima kasih kepada tetamu kehormat dan dif-dif jemputan atas kesudian untuk hadir meraikan sambutan ini. Tahniah dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan majlis ini dengan cemerlang.

27. Bersamalah kita berdoa semoga segala usaha kita untuk menunaikan khidmat kepada rakyat dipermudahkan dan mendapat keberkatan Allah SWT. Kepada Allah kita berserah dan kepada-Nya kita memanjatkan doa semoga hati kita dapat disatukan untuk bersama memperkukuh parti demi kepentingan rakyat dan tanah air tercinta.

28. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat Bulan Ramadan Al Mubarak kepada kaum muslimin dan muslimin. Semoga Ramadan ini akan membawa rahmat dan kebaikan kepada kita semua.

Sekian.